



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

JAWATAN KOSONG PROJEK FAMA

Jawatan Kosong di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) adalah sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. Kerani Pentadbiran (Operator) - Gred K1

Taraf Jawatan : Anggota Projek (Kontrak)
Penempatan : Ibu Pejabat FAMA
Tempoh Perkhidmatan : 6 bulan (akan disambung perkhidmatan berdasarkan prestasi)

Kerani Pentadbiran (Operator) Gred K1

Gaji Pokok : RM1204.50 sebulan
Elaun – Elaun : Elaun Keadatangan : RM75.00

Syarat Lantikan :

- (1) Warganegara Malaysia;
- (2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (3) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian Bahasa Melayu atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (4) Syarat kemasukan ini berbeza berbanding dengan syarat kemasukan (kelayakan) ke jawatan bertaraf tetap dan berbeza dalam perkhidmatan awam.

Bidang Tugas :

- Melakukan tugas-tugas perkeranian.
- Bertanggung jawab dalam mengendalikan dengan cekap dan berkualiti semua panggilan telefon dari luar dan dalam untuk disambungkan ke tempat yang diminta.
- Menerima dan memberi maklumat kepada pelanggan.
- Menjawab pertanyaan dari pelanggan.

CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dalam **Borang FAMA 1-08p**.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil-sijil persekolahan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran **yang telah disahkan** dan lain-lain keterangan kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing yang disertakan dengan Laporan Penilaian Prestasi terakhir.
- (d) Semua permohonan hendaklah dinyatakan jawatan yang dipohon di sebelah kiri atas sampul surat.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP :

Permohonan hendaklah sampai kepada:

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Ibu Pejabat FAMA
Bangunan FAMA Point
Lot 17304, Jalan Persiaran 1
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor

Sebelum atau pada : **17 SEPTEMBER 2019 (SELASA)**

CATATAN AM :

1. Calon-calon diingatkan bahawa hanya mereka yang layak selepas tapisan sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.
2. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **tidak berjaya**.